

TAREKAT DAN KEMUNCULAN AGAMAWAN SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA: SATU PENELITIAN AWAL

Mohamed Ali Haniffa

Jabatan Pengajian Tamadun dan Falsafah
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia
m.ali@uum.edu.my

Ayu Nor Azilah Mohamad

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ayunorazilah@kuis.edu.my

Wayu Nor Asikin Mohamad

Jabatan Pengajian Bahasa
Bahagian Pembangunan Usahawan dan Pengajian Bahasa
Kolej Universiti Bestari
wayu@ucbestari.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini mengkaji dan mengemukakan peranan tarekat dan agamawan sebelum serta selepas penjajahan di Tanah Melayu. Ilmu tarekat berperanan membentuk kekuatan ummah dalam usaha memupuk kesedaran masyarakat Melayu. Justeru itu, dalam konteks perkembangan ilmu tarekat di Tanah Melayu, terdapat ramai tokoh yang memberikan sumbangan. Tarekat juga meningkatkan kesedaran masyarakat Melayu mengenai peminggirann berikutan penjajahan. Sentimen anti-Islam yang dibawa oleh penjajah pada peringkat awal bertukar menjadi anti-Kristian. Keadaan ini ditambah dengan kedatangan ulama ke negeri-negeri Melayu yang menyuntik semangat jihad. Institusi pondok di Tanah Melayu wujud sealiran dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu. Berikutan itu ramai ulama berperanan sebagai pencetus semangat perjuangan sewaktu Tanah Melayu dijajah. Golongan agamawan turut berperanan sebagai agen perubahan dan suri teladan. Ilmu tarekat berjaya membentuk kesatuan ummah dan jihad apabila orang Melayu merasakan kehidupan beragama tercabar. Sifat keberanian dan semangat rela berkorban demi agama menyebabkan para agamawan menjadi ikutan khususnya ketika Tanah Melayu berada dalam tekanan serta kezaliman tentera Jepun dan komunis. Analisis data dibuat melalui kaedah kajian daripada sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati bahawa kemunculan ilmu tarekat dan agamawan amat signifikan ketika Tanah Melayu berada di ambang penjajahan. Bagi orang Melayu yang beragama Islam, mereka sudah sinonim dengan perjuangan mempertahankan kesucian agama Islam sejak dahulu lagi. Semangat keIslaman yang tinggi bukan sahaja untuk menghadapi ancaman terhadap kesucian agama Islam tetapi sebagai wahana untuk membebaskan tanah air.

Kata kunci: Perang Dunia Kedua, tarekat, agamawan, ummah, pondok

Pendahuluan

Malaysia mempunyai sebuah masyarakat majmuk yang dibentuk oleh penduduk berbilang kaum. Kedatangan imigran ekoran daripada galakan British menyebabkan berlakunya proses kemajmukan dan menjadikan masyarakat di Tanah Melayu menjadi lebih unik. Perpaduan antara kaum dan perkara berkaitan merupakan isu penting dalam sejarah Malaysia. Masalah perkauman di Malaysia berpunca daripada pelbagai sebab termasuk dasar British, pemerintahan Jepun dan prasangka ras yang sukar dibendung yang telahpun berakar umbi dalam kalangan pelbagai golongan etnik. Ia turut dipupuk oleh memori negatif berkaitan hubungan kaum sejak 1930-an dan khususnya semasa dan selepas pendudukan Jepun.

Kedatangan Barat telah membawa bersama polisi *divide and rule* yang telah meminggirkan orang Melayu dari arus pemodenan. Hal ini dirumitkan lagi dengan pemerintahan Jepun yang telah mempertajamkan hubungan dingin di antara orang Melayu-Cina. Pengeksploitasian serta penguasaan ekonomi yang tidak seimbang, budaya kehidupan yang berbeza serta agama Islam yang mula diperkotak-katikkan oleh orang Cina telah menyebabkan orang Melayu bersatu. Perbincangan dalam kertas kerja ini memberi tumpuan kepada pembentukan kemunculan tarekat dan agamawan sebelum Perang Dunia Kedua. Peranan golongan agamawan menjadi amat signifikan ketika meletus dan merebaknya konflik perkauman Melayu-Cina selepas pemerintahan Jepun di Tanah Melayu.

Masyarakat Majmuk di Malaysia

Perpaduan dan keharmonian kaum merupakan isu yang berlarutan dari dahulu sehingga kini. Kesultanan Melayu Melaka menjadi suri teladan dalam memahami keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Hal yang demikian dapat dibuktikan apabila Abdullah Munsyi di dalam hikayatnya mencatatkan bahawa penduduk kota Melaka terdiri daripada pelbagai komposisi bangsa atau kaum. Abdullah menyebut bahawa Melaka sudah pun dihuni penduduk pelbagai bangsa iaitu Melayu, Cina, India dan Nasrani (Portugis). Satu fakta yang memang tidak boleh disangkal ialah asas kepada pembentukan kerajaan pada masa sekarang merupakan warisan dari Kesultanan Melayu Melaka. Kepelbagaian bangsa di dalam Kesultanan Melayu Melaka dapat hidup dalam suasana yang aman kerana masyarakat berbilang kaum itu mempunyai sifat setia dan taat kepada pemerintah.

Keharmonian hidup rakyat Melaka digambarkan dalam catatan Abdullah Munsyi seperti berikut: "... maka segala orang Melaka daripada empat bangsa orang pun terlalu sangat kasih dan berajakan Tuan Farquhar itu, maka adalah pada masa itu negeri Melaka pun dalam sentosanya, dan dagang pun terlalu banyak keluar masuk, datang daripada segala pihak negeri berniaga" (*Berita Harian*, 1 Jun 2010: 27). Walaupun pemerintah yang dimaksudkan oleh Abdullah itu ialah Inggeris kerana beliau menulis ketika Melaka sudah berada di bawah pentadbiran Inggeris. Mesejnya ialah kesetiaan kepada pemerintah menjadi elemen kepada faktor wujudnya kesetiaan dan perpaduan rakyat Melaka ketika itu. Manakala Tome Pires menulis dan menyatakan "... di pelabuhan Melaka biasanya terdapat lapan puluh empat bahasa digunakan, tiap-tiap satu berlainan ...". (Zainal Abidin b. Abdul Wahid, 2008: 124).

Imperialisme dan kolonialisme menjadikan corak ekonomi Tanah Melayu ketika zaman kolonial bersifat majmuk. Pekerjaan penduduk diidentifikasi mengikut kumpulan etnik dan setiap kaum hidup berasingan serta mengekalkan cara hidup dan budaya masing-masing. Faktor ekonomi menjadikan British mula menguasai Negeri-negeri Melayu. Buruh-buruh Cina mula dibawa masuk khususnya dalam mengorientasikan industri perlombongan bijih timah di Tanah Melayu seawal tahun 1777 dan menetap di Perak pada tahun 1830 (Patrick Sullivan, 1982: 13).

Hal yang demikian juga menyebabkan bilangan imigran Cina meningkat dan menjadikan bilangan penduduk Cina meningkat menjadi 26,000 pada tahun 1874. British menggalakkan penghijrahan masuk orang Cina dan orang India secara tidak tersekat dan

dengan jumlah yang ramai, supaya mereka dapat mengusahakan lombong bijih timah dan juga membuka tanah baru bagi mewujudkan ladang getah (Just Faaland, Jack Parkinson, Rais B. Saniman, 1991: 5).

Anggaran yang dibuat menunjukkan bahawa penduduk Tanah Melayu berjumlah seramai 250,000 pada tahun 1800. Bilangan ini meningkat menjadi 2,000,000 pada tahun 1900 dan 6.3 juta pada tahun 1957. Menjelang tahun 1921 bilangan orang Cina di Tanah Melayu adalah seramai 1,171,740 juta orang. Bilangan ini terus meningkat menjadi 1,704,452 orang pada tahun 1931 dan menjadi 2,614,667 orang pada tahun 1947 (M.V. Del Tufo, 1949: 75). Menjelang awal abad ke-20, kedudukan ekonomi orang Cina lebih kukuh berbanding dengan orang Melayu dan India. Orang Melayu melihat kemajuan ini dengan perasaan yang tidak senang (Sivachandralingam Sundara Raja, 2007: 9).

Penguasaan penjajah yang berpanjangan menyedarkan masyarakat bahawa tidak kira apa bangsa penjajah, mereka tetap mempunyai motif yang negatif. Penjajahan juga membawa kepada penentangan yang bermula selepas daripada Jepun menyerah kalah. Kegagalan dasar Jepun yang mengambil kira kemajmukan Tanah Melayu menyebabkan berlakunya pergaduhan di antara orang Melayu-Cina. Orang Eropah di luar dari Tanah Melayu memandang pendudukan Jepun sebagai "*a God-sent chance to clear up all the country's troubles*" (A.J. Stockwell, 1979: 17). Kemakmuran ekonomi yang didominasi oleh orang Cina serta kesusahan hidup ketika pemerintahan Jepun telah menyebabkan orang Melayu menjadi mangsa keganasan komunis.

Islam dan Survival Bangsa

Pencabulan ke atas kesucian agama Islam menjadi faktor segera yang telah mencetuskan konflik berdarah Melayu-Cina (*WO 172/9773*, No. 30, Week Ending 30 Mei 1946: 478). Gangguan terhadap pengamalan agama Islam menjadi faktor segera dan merebaknya konflik berdarah Melayu-Cina selepas pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Orang Melayu juga hilang kepercayaan terhadap komuniti Cina apabila Bintang Tiga mula mengganggu soal beribadat dan keagamaan di surau serta masjid (Hairi Abdullah 1973/4, 1974/5: 9).

Peristiwa tersebut berlaku di Batu Pahat, Johor sebelum tentera Jepun menyerah kalah. Larangan dan sekatan berkenaan menjadikan orang Melayu semakin bersatu. Hal yang demikian juga berlaku di Perak dan Batu Pahat. Orang Melayu juga menghadapi masalah ketika menunaikan solat Jumaat. Gerila komunis menggunakan kesempatan membunuh orang Islam dengan menembak dan membakar masjid ketika mereka sedang bersembahyang (Kenelm O.L. Burridge, May 1951:163). Masjid dan surau juga sering kali dijadikan sebagai tempat bermesyuarat gerila komunis (*WO 172/9773*, SECRET, 30 Mei 1946: 478). Masjid dicemari dengan kejadian menyembelih dan memasak daging khinzir. Orang Melayu juga dipaksa untuk membantu mereka. Masjid-masjid juga dicemari dan Al-Quran dijadikan pengesat najis (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011, hlm. 6). Kawasan masjid di Air Hitam, Muar juga digunakan bagi menyembelih khinzir dan menyebabkan masyarakat setempat terganggu daripada menjalankan ibadat.

Tindakan British yang seolah-olah cuba untuk mempermainkan kesucian agama Islam menjadikan isu perkauman menjadi dominan. Pada 18 Julai 1947, Mejar Cock menggunakan Al-Quran dalam majlis angkat sumpah kepada semua belia Islam yang menyertai tentera British. Dalam majlis angkat sumpah berkenaan, rekrut yang beragama Islam telah diarahkan memegang Al-Quran di tangan kiri dan mengangkat tangan kanan dalam keadaan melafazkan ikrar (*MU. Sec. 8434/47*, Extract From *Straits Times* ("Koran, British Minta Ma'af"), 19.7.47: 2.). Tindakan Mejar Cock menimbulkan perasaan marah dalam kalangan sultan dan juga orang Islam di Tanah Melayu. Bantahan juga disuarakan di dalam akhbar *Utusan Melayu* dan dihantar kepada British (*MU. Sec. 8434/47*, 18 July 1947: 1).

Agamawan Sebelum Perang Dunia Kedua

Orang Melayu mula memikirkan survival bangsa apabila berlaku penindasan dan perencanaan penjajah yang tidak seimbang. Dalam konteks perjuangan politik di Tanah Melayu, fahaman nasionalisme menetapkan bahawa agamalah yang menjadi sumber dan matlamat akhir kepada pembentukan sebuah negara bangsa Melayu, hingga disamakan bahawa menjadi Melayu dan negara bangsa Melayu itu mestilah Islam. Agama menjadi tenaga pendorong dan penguat kepada kesedaran serta perjuangan orang Melayu. Pengaruh Islam dalam konteks perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu adalah menonjol lebih-lebih lagi kerana perjuangan awal nasionalisme Melayu dipelopori oleh tokoh dan pemimpin agama, atau mereka yang berjiwa agama. Tahun 1945-46 merupakan tempoh masa yang paling kritikal dalam sejarah orang Melayu. Ketika orang Melayu sedang menerima ancaman komunis, kerajaan British mengkhianati orang Melayu dengan mengisytiharkan di Parlimen British di London hasratnya untuk menjadikan negeri-negeri Melayu sebagai tanah jajahannya yang dikenali sebagai Malayan Union (Nik Anuar Nik Mahmud, 2006: 1). Pengenalan Malayan Union menyebabkan konflik Melayu-Cina semakin merebak (*WO 172/9773, SECRET, 9 February 1946: 170*).

Ulama pada abad ke-19 muncul di kebanyakan negeri di Tanah Melayu seperti Terengganu, Kelantan, Kedah, Pahang, Perlis, Perak dan Pulau Pinang. Antara tokoh ulama yang terkenal ialah Syekh Haji Fadhil Al-Banteni (Mohd Akbal Abdullah, 2006: 31). Kiayi Haji Fadhil al-Banteni atau lebih dikenali sebagai Kiayi Fadhil Lenga adalah seorang tokoh ulama dan ahli tarekat yang terkenal di Muar sekitar tahun 1910 hingga 1950.

Ramai ulama yang pernah berguru dengan beliau. Antara yang pernah berguru dengan Syekh Haji Fadhil Al-Banteni pada peringkat awal terdiri daripada Kadi Haji Ahmad Syah dari Pontian, Kiai Salleh bin Abd. Karim (Batu Pahat), di Muar oleh Orang Kaya Haji Abdul Hamid dan di Mersing oleh Haji Siraj bin Marzuki. Perjuangan Kiayi Fadhil al-Banteni diteruskan oleh anaknya iaitu Haji Abdul Hamid bin Haji Fadhil. Ulama berperanan sebagai agen perubahan dan suri teladan kepada masyarakat (Farid Mat Zain & Amnah Saayah Ismail, 2007: 195).

Kedatangan ulama ke negeri-negeri Melayu telah menyuntik semangat jihad dalam kalangan penduduk. Tuan Haji Ishak dikatakan berhijrah ke Pahang sejak tahun 1880-an. Pulau Tawar pada ketika itu merupakan sebuah kubu kuat dan perkampungan pahlawan Pahang yang terkenal iaitu Imam Perang Rasul atau Tok Gajah. Pahang yang ketika itu berada di zaman awal penjajahan British berjaya diserapkan dengan elemen Islam. Penentangan orang Melayu terhadap British di Perak dikaitkan dengan sentimen anti orang kafir (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 133). Pencerobohan asing ditentang atas prinsip Islam. Golongan pahlawan di Pahang pula memmanifestasikan prinsip jihad, sebagaimana penglibatan Kelantan dalam gerakan membantu pergerakan Islam di Champa semasa pemerintahan Sultan Mohamad I (1800-1837) yang dirangsangi oleh ukhawah Islamiyah (Mohamad Abu Bakar, 2007: 195).

Ilmu tarekat menjadi sebahagian daripada amalan dalam kalangan masyarakat Melayu. Menurut Syed Naguib Al-Attas, dua tarekat yang terkenal dan diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu ialah Qadiriyyah dan Naqshbandiyyah (Syed Naguib Al-Attas, 1963: 34). Guru tarekat juga berperanan dalam mengajar ilmu kebatinan. Antara guru Tarekat Qadiriyyah yang terkenal ialah Shaykh Abdullah bin Mustafa di Kampung Parit Maimun, Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor. Menjelang abad ke-19, ramai ulama dari Patani berhijrah ke Terengganu, kesan daripada serangan Siam ke atas Patani. Antara ulama dari Patani yang berhijrah ke Terengganu kesan dari serangan Siam ke atas Patani ialah Sheikh Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahim. Beliau dikatakan berketurunan Raja Bugis bernama Fakeh Ali yang menetap di Patani. Apabila kembali ke Terengganu beliau mengikut tradisi

pengajian ilmu dengan membuka pondok di Bukit Bayas, Kuala Trengganu sehingga beliau dikenali sebagai Tok Sheikh Kadir Bukit Bayas.

Di Terengganu sebuah pondok yang termasyhur dan berpengaruh ialah yang diasaskan oleh Sayyid Abdul Rahman al-Idrus (1817-1911) yang dikenali dengan nama Tok Ku Paloh. Terdapat pondok pengajian lain di Terengganu yang bergerak pada abad ke-19 seperti Pondok Tok Kali di Sungai Rengas, Pondok Haji Abdul Hamid di Kampung Tebauk, Kuala Terengganu, Pondok Haji Hussin di Kampung Lapu, Besut, Pondok Haji Hassan di Kampung Gong Surau, Besut, Pondok Haji Said di Kampung Lama, Besut dan Pondok Haji Mat Shafie, Losong, Kuala Terengganu.

Dalam usaha mempertahankan kelangsungan survival bangsa, elemen mempertahankan diri dalam masyarakat Melayu mula diberikan perhatian. Seni mempertahankan diri seperti silat disertai dengan beberapa amalan kebatinan. British yang memang sudah mengetahui fenomena ini mengambil sikap berdiam diri dengan harapan tidak akan menjadi kronik. Mengikut laporan *War Office Record*, ulama dan guru agama mempunyai kaitan rapat dengan pergaduhan Melayu-Cina di Dinding, Perak. Aliran ilmu kebal di Johor dikatakan tersebar luas sehingga ke Pahang (*WO 172/9773, SECRET, 11 Jun 1946: 599*. Batu Pahat menjadi antara pusat ilmu kebal khususnya "*Golden Needle Invulnerability Cult*". Elemen ini menimbulkan kebimbangan kepada pentadbiran British. Tambahan pula isu ini terus berlanjutan sehingga ke tahun 1946 (*CO 537/1583, 22nd October, 1946: 5*). Menurut laporan tersebut, amalan keagamaan dan kebatinan yang dibawa oleh *Malay Gurus* berkembang dengan cepat. Aktiviti tersebut dikatakan menjadi punca kepada meletusnya konflik Melayu-Cina di Kuala Pilah dan juga Perak. Amalan dan gerakan beragama orang Melayu tersebut dikenali sebagai *Sabilillah* atau *Perang Jihad*.

Ilmu kebal juga mendapat pengaruh dari Indonesia dan mula dilaporkan pada November 1945 di Negeri Sembilan. Sejak dari tempoh berkenaan, ilmu tersebut berkembang hingga ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Antara objek yang digunakan bagi menjadikan seseorang pengamal itu menjadi kebal ialah kain berwarna merah, cincin, potongan ayat dari Al-Quran, dan susuk jarum emas. Manakala ilmu halimunan dibawa oleh Tuan Guru Haji Abbas di Sungai Choh, Hulu Selangor. Sungai Choh ketika itu telah menjadi pusat mempelajari amalan kebal dan juga persilatan.

Ilmu kebal disertai dengan amalan minum air penebat yang bertujuan merangsang dan menaikkan semangat perjuangan. Pada September 1946, Syeikh (Syed) Idris yang berketurunan Jawa mula mengajar ilmu kebal dan mistik Melayu di daerah Kuala Kangsar, Perak. Menjelang bulan Julai 1947, pergaduhan Melayu-Cina bertambah serius di sepanjang Sungai Perak. Orang Melayu menubuhkan Kumpulan Parang Panjang dan menjadikannya sebagai senjata utama bagi mempertahankan nyawa.

Golongan ulama dan guru agama dilaporkan memainkan peranan penting dalam menyebarkan semangat anti-Cina (*WO 172/9773, SECRET: 70*). Di kawasan Batu Pahat, Johor dua orang ulama yang berperanan besar dalam mencetuskan semangat perjuangan ialah Che Mohamed Salleh bin Abdul Karim (Kiai Salleh) dan Haji Salleh (seorang guru agama). Kiai Salleh merupakan pengamal ilmu kebal dan kehandalan ilmu beliau bukan sahaja terkenal di Tanah Melayu tetapi juga di kawasan yang berhampiran.

Orang Melayu juga dilaporkan membentuk pertubuhan sulit bagi tujuan politik dan juga aktiviti anti-Cina. Haji Wan Ahmed yang menjadi Presiden Persituan Melayu dikenal pasti sebagai pemimpin gerakan tersebut (*WO 172/9773, SECRET: 78*). Agama menjadi penyelesaian terbaik bagi membentuk kesepaduan masyarakat Melayu. Kiyai Haji Hashim, Haji Munahar dan Haji Yusof bin Hassan menyebarkan ilmu kebal *gold needle injections*. Ketiga-tiga ulama tersebut ditahan pada November 1945 oleh *British Military Administration* (BMA) akibat daripada insiden pergaduhan Melayu-Cina di Kuala Pilah. Namun elemen ini juga muncul di Singapura, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang dan Perak.

Walau bagaimanapun, kawasan yang majoritinya didominasi oleh orang Melayu agak kendur kerana kurang mendapat tekanan orang Cina (*WO 172/9773, SECRET, 2 February 1946: 161*).

Kiyai Salleh dilaporkan mengajar ilmu mistik Melayu sehingga ke Singapura, manakala Haji Hassan mengajar di kawasan Barat Pahang. Terdapat juga ulama-ulama lain seperti Ahmad Jelany dari Singapura, iaitu Kiyai Haji Marzuki yang berketurunan Indonesia dan menetap di Melaka dan beliau berperanan besar dalam menyuntik semangat *fi Sabilillah* kepada orang Melayu. Peranan Kiyai Haji Munahar menjadi penting di Melaka dan beliau berjaya menyatukan orang Melayu. Jelani Imam pula menjadi pemimpin kepada *gold needle invulnerability cult* (*WO 172/9773, SECRET, 30 March 1946: 366*).

Pergaduhan Melayu-Cina dan Peranan Agamawan

Gerakan Sabilillah ialah anti komunis dan bermatlamat mempertahankan agama Islam dan kewujudan orang Melayu akibat daripada pembunuhan kejam serta penyiksaan. yang dilakukan ke atas mereka. Pergaduhan Melayu-Cina di Johor bermula antara Mac hingga Ogos 1945 (Cheah Boon Kheng, 1981: 109). Pada bulan Mei 1945 berlaku pembunuhan ke atas Moain Saridin @ Shahidin dan Hassan Akasah (*Utusan Malaysia, 28 Mei 2009: 5*). Kejadian ini berlaku apabila penduduk kampung, penghulu, orang alim dan pendekar dibunuh kerana enggan memberikan sokongan serta kerjasama kepada mereka. Dalam satu kejadian lain di Kampung Sungai Tongkang, Batu Pahat, sekumpulan komunis menyerang rumah penghulu. Kejadian ketiga telah berlaku pada 1 Julai 1945 di Semerah iaitu merupakan sebuah pekan kecil di daerah Batu Pahat. Dari kawasan Semerah, konflik berkenaan telah merebak ke Sungei Balang.

Konflik terakhir berlaku di Mukim Sri Menanti pada 22 Ogos 1945. Pada 20 Ogos 1945 seramai dua orang Cina dibunuh oleh orang Banjar di Batu 14, Sri-Menanti, Jalan Parit Jawa Muar (*RCJ. 241/46, 8 April 1947: 123*). Pada 2 September 1945, Dato' Sheikh Abdullah bin Yahya, mantan Pegawai Daerah Mersing diculik oleh komunis dan dicerderakannya. Beliau meninggal dunia akibat daripada kecederaan parah pada 5 September 1945. Hubungan di antara orang Melayu dan Cina di Segamat mulai renggang dan terdapat beberapa kejadian pertumpahan darah. Kekacauan juga berlaku pada malam 9 Februari 1946 bersamaan hari Sabtu dan pada tengahari Ahad 10 Februari 1946 di Bukit Gambir dan Parit Samsu, Johor (*SUKJ. 6203/1945, 12 Februari 1946: 47*).

Berikutan itu, Tentera Sabil Selendang Merah (*Holy War Army of the Red Bands*) dibentuk oleh Kiai Salleh di Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor. Konflik etnik yang bermula di Simpang Kiri, Batu Pahat merebak hampir ke seluruh mukim di Batu Pahat. Dalam satu kejadian yang berasingan sebanyak 60 buah keluarga Cina dari Kampung Batu Pahat lari meninggalkan harta benda apabila sekumpulan orang Melayu dan Jawa mencari mereka dengan bersenjatakan parang (*CO 537/1580, 4 September 1946: 3*). Konflik etnik di Sungai Manik berlaku di antara 15 Ogos 1945 sehingga 15 September 1945. Isu sensitif di mana satu kaum diserang oleh kaum yang lain sengaja disebar dengan harapan akan berlaku pergaduhan sesama mereka.

Dalam situasi cemas itu penduduk kampung mencari ulama yang boleh mengajar mereka ilmu kebal atau ilmu tidak lut senjata. Antara ulama yang menjadi tumpuan di Sungai Manik ketika itu ialah Tuan Haji Amir Hussin, Tuan Haji Yusof Tuan Haji Marzuki, Tuan Haji Dahlan, Tuan Haji Mat Samad, Tuan Haji Anuar dan Tuan Haji Masmuda. Tuan Haji Bakri bin Haji Mohd Saman bertindak sebagai Tuan Guru atau pakar rujuk (Wawancara dengan Tuan Haji Zakaria bin Awang). Tuan Haji Bakri dilantik menjadi Khalifah Parang Panjang. Kemuncak kemarahan orang Melayu ialah apabila sebuah masjid di Parit 6 C, Sungai Manik mahu dijadikan sebagai bilik gerakan dan dewan drama oleh komunis.

Orang Melayu hanya bersenjatakan parang panjang, keris dan pisau. Bagi komuniti Banjar Melayu, mereka menggunakan istilah “*mencantas*” bagi merujuk kepada konflik berdarah ini. Konflik Melayu-Cina yang mula merebak menyebabkan orang Cina yang tinggal di Kampung Koh, Sitiawan, Ipoh, Kampar, Langkap dan Chucap datang memberikan bantuan kepada orang-orang Cina yang masih menetap di Sungai Manik. Konflik Melayu-Cina di Perak terus merebak sehinggakan kampung-kampung tradisional Melayu menjadi mangsa kekejaman komunis. Sekolah Melayu Bekor dijadikan sebagai markas oleh komunis. Akhbar *Majlis* melaporkan seperti berikut:

“... seluruh Kampung Bekor yang dulunya sangat-sangat menyokong keras akan gerakan kerajaan Bintang Tiga telah ditukarkan tuhan akan perasaan dan rohnya lalu mereka itu berpaling tadah dan mula menentang segala pujukan-pujukan yang mengandungi racun daripada bangsa Cina yang mengajak lagi supaya orang Melayu bercampur dengannya untuk menghalau British daripada Semenanjung Tanah Melayu dan kemudiannya Tanah Melayu ini diperintah oeh tiga bangsa ...” (*Majlis*, 17 Februari 1947: 2).

Penglibatan beberapa orang ulama tempatan seperti Tuan Haji Salleh bin Abdul Manan, Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Manan dan Tuan Haji Shahbudin bin Lebai Sulaiman Bakul telah berjaya membawa perubahan baru di Kampung Bekor. Terdapat juga penglibatan beberapa orang Syeikh dari Bagan Serai seperti Tuan Syeikh Osman. Penyatuan penduduk Melayu Bekor seperti yang dilakukan oleh para ulama tempatan menyebabkan hubungan dan kepercayaan mereka terhadap masyarakat Cina turut berubah.

Selepas hampir sepuluh hari dari peristiwa berkenaan orang Cina mula datang menyerang Kampung Bekor pada 5 Mac 1946 jam 10.00 pagi. Dilaporkan bahawa orang Cina yang siap bersenjata adalah seramai 100 orang (*WO 172/9773, SECRET: 281*). Serangan kali pertama ini berjaya ditewaskan oleh penduduk kampung. Serangan kali pertama lebih merupakan tindakan komunis menguji kekuatan dan persediaan orang Melayu. Pada pagi hari Rabu 6 Mac 1946, lebih di antara jam 5.00 hingga 5.30 pagi berlaku serangan kali yang kedua (Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari). Antara tokoh yang menjadi teraju utama bagi mempertahankan penduduk Melayu Bekor ialah Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Manan, Tuan Haji Salleh bin Abdul Manan, Tuan Haji Kulub Alang dan beberapa orang tokoh tempatan.

Keadaan yang terkepung menyebabkan ramai kanak-kanak serta kaum wanita yang tengah tidur menjadi mangsa (*Utusan Melayu*, 12 Mac 1946: 4). Taktik serangan dengan membunyikan beduk di masjid menyebabkan penduduk kampung berada dalam keadaan kelam-kabut khususnya dalam memberikan bantuan. Penduduk kampung Bekor yang terlibat menyatakan bahawa sebanyak 40 buah rumah telah dibakar oleh komunis. Pada 7 Mac 1946 bersamaan hari Khamis, penduduk Kampung Semat, Manong mencari mangsa korban untuk tujuan pengebumian. Suatu perkara yang amat menghairankan ialah walaupun bilangan anggota Bintang Tiga yang dibunuh oleh orang Melayu dikatakan ramai namun mayat mereka tidak ditemui oleh penduduk kampung.

Kekacauan dan pembunuhan ke atas orang Melayu terus berlangsung hampir di semua lokasi di Tanah Melayu. Pada 19 September 1945 berlaku pembunuhan ke atas orang Melayu di Kota Bharu (Kelantan), 26 September 1945 di Alor Gajah (Melaka), di Selangor, Selama, Taiping, Parit, Sitiawan (Perak) dan Terengganu. Dalam kejadian di Sitiawan, seramai tujuh orang Cina terbunuh, dua cedera dan beberapa buah rumah dibakar. Pada hari berikutnya komunis membunuh dan mencederakan beberapa orang penduduk kampung.

Pada 6 November 1945, dalam satu serangan balas, sekumpulan orang Melayu seramai 300 hingga 400 orang Melayu menyerang orang Cina di Padang Lebar, Kuala Pilah. Dalam kejadian di Batu Malim, Raub, Pahang pada 11 Februari 1946, kekacauan berlaku di kawasan pasar yang melibatkan seramai 200 orang Melayu dan 150 orang Cina. Seramai 30 orang Cina terkorban termasuk 10 orang kanak-kanak Cina dan dua orang Melayu. Seramai 16 orang Cina dan 10 orang Melayu mengalami kecederaan (CO 537/1580: 8). Banyak lagi kejadian serang menyerang yang melibatkan orang Cina dan Melayu terus berlaku. Namun golongan agamawan terus berperanan menjadi tempat pergantungan orang Melayu.

Kesimpulan

Gokongan agamawan berperanan penting sebagai pemersatu dan tempat pergantungan orang Melayu ketika meletus konflik perkauman Melayu-Cina di Tanah Melayu. Orang Melayu menjadi mangsa kekejaman gerila komunis akibat mahu mengambil tampuk pemerintahan selepas pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Penjajahan membawa kepada pembentukan masyarakat majmuk di Tanah Melayu. Kedatangan bangsa-bangsa asing yang tidak menghormati kedaulatan Melayu di Tanah Melayu sedikit sebanyak mencabar ketuanan Melayu. Kekejaman komunis melakukan pembunuhan, menyebabkan orang Melayu menggabungkan seni mempertahankan diri dan ilmu kebal bagi mempertahankan survival bangsa. Islam digunakan sebagai paksi perjuangan.

Sikap lepas tangan British, pengenalan Malayan Union dan pengisytiharan darurat sedikit sebanyak menambahkan kebulatan tekad orang Melayu dalam mempertahankan kelangsungan hidup orang Melayu. Orang Melayu yang berada dalam keadaan cemas membentuk jemaah dan bersatu di bawah panji-panji Islam. Survival melalui parang panjang bukanlah bersifat perkauman, biarpun akibat dari penentangan terhadap komunis Cina akhirnya membenihkan perasaan perkauman yang sukar dipadam. Biarpun pada mata kasar kelihatan orang Melayu seperti mengamuk dan membunuh orang Cina, namun hakikatnya mereka membunuh komunis. Peristiwa-peristiwa yang berlaku inilah adalah benar dan perlu diketengahkan kepada masyarakat. Bukannya bertujuan untuk dendam-berdendam tetapi mencari satu formula bagi membina kehidupan yang lebih harmoni pada masa hadapan.

Bibliografi

- Abdullah Zakaria Ghazali. 1997. *Pasir Salak Pusat Gerakan Menentang British di Perak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 2007. 'Islam Dan Anti Penjajahan Di Malaysia Kurun Ke-19', dalam Farid Mat Zain (editor), *Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Burridge, Kenelm, O.L. May 1951. "Racial Relations in Johore." *Australian Journal of Politics and History*, Vol. II, No. 2.
- Berita Harian*, 1 Jun 2010
- CO 537/1580, Growth Of The Inter-Racial Feeling In Malaya.
- CO 537/1583, Religious Cults In Malaya.
- Del Tufo, M.V. 1949. *A Report On The 1947 Census of Population*. Singapore: The Government Publications Bureau Singapore.
- Faaland, Just, Jack Parkinson. Rais B. Saniman. 1991. *DEB Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hairi Abdullah. 1973/4, 1974/5. "Kebangkitan Dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat." *JEBAT*, Bil., 3/4..
- Mohd Akbal Abdullah, Kiayi Fadhil Al-Banteni, 2006. dlm Johor Mengenang Sumbangsihmu. Ed. Abu Bakar A. Hamid, Md. Ismail Zamzam, Kamdi Kamil, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Majlis, 17 Februari 1947.

Mingguan Malaysia, 4 September 2011

Mohamad Abu Bakar. 2007. 'Tanah Melayu Abad Ke-19 Pengislaman Penjajahan dan Pemupukan Manhaj Melayu', dalam Farid Mat Zain (editor), *Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

MU. Sec. 8434/47, Protest By Majlis Islam Tertinggi, Malayan Against Using The Koran In Swearing In By Muslim Youth Joining The British Army, 18.7.47-22.9.47.

Nik Anuar Nik Mahmud. 2006. "Dato Onn Jaafar Dan Strategi Pengukuhan Ketuanan Melayu." *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*, 1-4 Disember, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor.

RCJ. 241/46, Ulu Tiram Massacre And Exhumation of Dead Bodies, 30.4.46-12.11.47.

SUKJ. 6203/1945, Outstation Reports And Correspondence Muar, 19.9.45-27.11.45.

Syed Naguib Al-Attas. 1963. *Some Aspects of Sufism as Understood And Practised Among The Malays*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd..

Sullivan, Patrick. 1982. *Social Relations of Dependence In A Malay State: Nineteenth Century Perak*. Kuala Lumpur: Art Printing Works.

Stockwell, A.J. 1979. *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment*. Monograph No. 8. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society.

Sivachandralingam Sundara Raja, 2007. "Pembangunan Ekonomi Dan Hubungan Kaum Di Tanah Melayu, 1500-1957.", *Seminar Kebangsaan Ketamadunan, Hubungan Etnik & Kokurikulum*, 20 & 21 Mac, Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

Utusan Malaysia, 28 Mei 2009, 17 Jun 2009.

Utusan Melayu, 12 Mac 1946

WO 172/9773, Supreme Allied Commander Southeast Asia (Mountbatten Diaries).

Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari, Kuala Kangsar, Perak, 20 November 2008.

Wawancara dengan Tuan Haji Zakaria bin Awang, Parit 8 C, Sungai Manik, Perak, 5 Jun 2008.

Zainal Abidin b. Abdul Wahid, 2008. Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa, dlm. *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.